

MIB Tahun 1 - CARA HORMAT KEPADA IBU, BAPA DAN KELUARGA

(Minggu 14, 13/04 - 18/04)

Buku Teks muka surat 30,31 & 32

Cara Hormat kepada Ibu, Bapa dan Keluarga

Tuhan menyuruh kita supaya sayang kepada ibu, bapa dan keluarga.
Hormatilah ibu bapa dan penjaga kamu.
Hormatilah keluarga kamu.
Orang yang hormat kepada ibu dan bapa akan dapat pahala daripada Tuhan.

Apakah sifat-sifat yang terpuji dalam gambar di bawah?

Makna Kata:
Penjaga - orang yang mengawas atau mengasuh

Beginilah cara hormat yang baik:

- 1 Kita mesti doakan ibu dan bapa supaya sihat dan selamat.
- 2 Kita mesti selalu bercakap lembut dengan mereka.
- 3 Apabila hendak berjalan jauh, kita hendaklah bersalam dengan mereka.
- 4 Melintas di hadapan mereka mestilah dengan hormat dan sopan.
- 5 Berilah salam apabila berjumpa dengan mereka.
- 6 Kita perlu membantu ibu bapa membuat kerja di rumah.

Padankan gambar dengan ayat yang betul :



Kita mesti selalu bercakap lembut dengan ibu bapa.

Melintas di hadapan mereka hendaklah dengan hormat dan sopan

Kita mestilah mendoakan ibu bapa supaya sihat dan selamat.

Kita perlu membantu ibu bapa membuat kerja di rumah.

Apabila hendak berjalan jauh, hendaklah bersalam dengan ibu bapa.

